

Berjasa tak kesal tiada menteri

KOTA BAHARU. Jumaat — Presiden Berjasa, Haji Wan Hashim Wan Ahmad berkata, ketiadaan wakil Berjasa dalam kabinet tidak menjadi masalah kepada parti itu, walaupun ramai juga ahli parti yang mempertikaikannya.

Haji Wan Hashim menegaskan, yang penting bagi beliau ialah penyertaan Berjasa dalam Barisan Nasional untuk sama-sama mendokong konsep perjuangan BN dengan semangat setiakawan dan penuh kejujuran.

Inilah pertama kalinya presiden baru Berjasa itu membuat kenyataan rasmi mengenai perwakilannya

Berjasa dalam kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menggantikan tempat Datuk Haji Mohamad Nasir.

Beliau membangkitkan soal ini ketika berucap di majlis makan 'Malam Mengenang Jasa' bagi meraikan bekas presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamad Nasir, di Kem Kijang, dekat sini malam tadi.

Wakil-wakil parti komponen BN Negeri Kelantan adalah antara kira-kira 500 orang tetamu hadir dalam majlis itu.

Haji Wan Hashim yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan memberitahu, ramai ahli Berjasa mempertikaikan dan ter-

tanya-tanya ketiadaan wakil Berjasa dalam kabinet baru Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau mengingatkan semua peringkat pemimpin dan ahli-ahli Berjasa supaya mengamal atau berpegang kepada hakikat 'seimbang' dalam membuat sesuatu tuntutan atau permintaan.

"Kita mesti sedar hakikat berpolitik, kita mesti tahu mengukur kekuatan kita. Kalau tidak tahu menilai kedudukan ini, kita akan hanyut. Kita tidak mahu jadi pengemis," ujar beliau.

Beliau mengemukakan dua jalan untuk dipilih oleh para pemimpin, ahli-ahli dan para penyokong Ber-

jasa — sama ada ingin menjadikan Berjasa sebagai 'semut' atau 'gajah' dalam menentukan kedudukan, kekuatan dan perjuangan masa depan parti itu.

Katanya, semut hanya pandai menggigit dan akan mati dengan semburan ubat serangga sahaja, manakala gajah dilihat dari jauh besar dan menakutkan, apa lagi di dekati.

Katanya, kekuatan Berjasa akan dapat diukur daripada sejauh mana tenaga yang dicurahkan oleh ahli-ahli kepada parti.

Berbagai-bagai telahan dibuat oleh para pemerhati politik tanahair terhadap Berjasa tetapi Berjasa tetap hidup subur," ujarnya.